

17 SEP 1998

Mahathir-Anwar

DR MAHATHIR MINTA ANWAR KEMUKAKAN BUKTI

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya mengemukakan bukti untuk membersihkan namanya (Anwar) yang dikatakan tercemar kerana didakwa terlibat dalam kegiatan tidak bermoral, rasuah dan mengkhianati negara.

"Tunjuklah kalau ada bukti. Kita tak ada masalah. Buktikan apa saja yang suka," kata beliau kepada pemberita selepas melawat Stadium Nasional Bukit Jalil di sini.

Dr Mahathir telah diminta mengulas mengenai kenyataan Anwar semalam bahawa beliau (Anwar) mempunyai bukti beliau tidak bersalah atas tuduhan-tuduhan tersebut.

Anwar mendakwa beliau mempunyai bukti-bukti itu yang disimpan di beberapa tempat termasuk di luar negara seperti di Indonesia.

Mengenai kempen reformasi yang dijalankan oleh Anwar ke seluruh negara, Perdana Menteri berkata ia tidak menjadi masalah kerana "kita ada proses undang-undang".

"Dia pergi kempen di luar, itu dia punya pendapat tetapi janganlah pula bila dia dihadapkan ke mahkamah, dia awal-awal lagi berkata mahkamah tidak adil.

"Jadi ini sebagai satu "helah" bagi dia bila dapati kalah dia kata "ah, kita tahu dah, ini mahkamah tak adil, ada konspirasi", kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata itulah strategi yang digunakan oleh Anwar.

"Dan kemudian dia dikelilingi orang supaya dia boleh fikir polis tidak boleh dakwa dia di mahkamah", kata perdana menteri yang juga Menteri Dalam Negeri.

Dr Mahathir berkata adalah jelas Anwar berharap apabila beliau didakwa di mahkamah, penyokong-penyokong beliau akan berhimpun di mahkamah dan mencetuskan huru-hara.

"Dengan lain perkataan, dia tidak langsung menghormati mahkamah," katanya.

Perdana Menteri berkata Anwar mahu menggunakan "tekanan seperti itu untuk menghalang polis daripada mengambil tindakan undang-undang."

Mengenai pelantikan Timbalan Perdana Menteri yang baru, Dr Mahathir berkata ia bukan mudah untuk mengisi jawatan itu.

"Kita kena bagi peluang kepada Umno menentukan pilihan mereka, dan membuat penilaian mereka terhadap pemimpin," kata beliau,

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata jika jawatan itu diisi sekarang sebelum pemilihan Umno tahun depan, calon yang dipilih bagi jawatan itu akan mempunyai kelebihan (dalam pemilihan parti nanti) daripada calon yang tidak terpilih.

Walaupun beliau tidak memberi penjelasan, nyata kenyataan beliau itu merujuk kepada dua orang penyandang Naib Presiden Umno iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ketika ditanya siapa yang akan memikul tugas perdana menteri sekiranya beliau berada di luar negara, Dr Mahathir berkata ia tidak menjadi masalah.

"Dulu saya dan Datuk Seri Anwar pergi luar negeri, tak ada apa. Ia hanya untuk sekejap saja," kata Dr Mahathir.

Beliau sekali lagi mengulangi bahawa tidak perlu seorang timbalan perdana menteri sementara dilantik buat masa ini.

Mengenai kenyataan Anwar yang mengkritik polis kerana bertindak seperti agen perisikan Israel, Mossad, Dr Mahathir berkata beliau merasa sedih

kerana Anwar membuat tuduhan semacam itu terhadap polis.

Kata beliau, Anwar tidak sepatutnya membuat perbandingan dengan agen perisikan Israel.

"Kalau kita ada polis macam itu, rakyat kita menderita. Tetapi kita nampak tak ada masalah. Rakyat bebas ke mana-mana," kata beliau.

"Adakah negara yang macam ini yang dia mahu", tanya Dr Mahathir.

-- BERNAMA

es oba